

18 DEC 1997

MSC, CONTOH TERSERLAH KEPIMPINAN PEMIKIRAN

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Daya usaha teknologi maklumat (IT) Malaysia menerusi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah salah satu daripada contoh terbaik kepimpinan pemikiran global, kata presiden Lotus Development Corporation, Jeff Papows.

Lotus, salah satu daripada syarikat perisian komputer dunia yang terkemuka, adalah anak syarikat IBM Corporation.

"Saya berpendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sepatutnya diberi pujian kerana berwawasan dalam hal ini, yang lebih konsisten dengan ciri-ciri industri (IT) kita," katanya dalam temubual dengan Bernama.

Beliau berkata MSC menunjukkan contoh terserlah kepimpinan pemikiran kerajaan Malaysia dalam mencuba menghasilkan ekonomi berasaskan ilmu dan bukan sekadar material dan ekonomi barangan secara besar-besaran.

"Bagi saya, MSC bukan mengenai Cyberjaya atau semua jenis struktur fizikal yang amat besar. Ia adalah mengenai ilmu dan modal intelektual," katanya.

Ditanya sekiranya Malaysia agak terlambat dalam menceburi dunia IT selepas Amerika Syarikat, sesetengah negara Eropah, Jepun, Korea Selatan dan India sudahpun mara ke depan, katanya: "Saya tidak fikir anda terlambat. Adalah tidak terlambat melabur dalam manusia."

Sambil berkata beliau berpendapat bahawa masa Malaysia menceburi bidang tersebut adalah tepat pada waktunya, katanya ini adalah kerana persekitaran perniagaan hidup dalam paradigma perkiraan berdasarkan "Windows CC++" dan cip berasaskan Intel buat seketika.

Meskipun dunia akan terus mengguna pelantar seumpama itu pada kebanyakannya pada masa depan, terdapat paradigma baru berasaskan Java, rangkaian dan Internet, katanya.

"Saya fikir jika kumpulan akan datang saintis muda Malaysia boleh dilabur dalam bidang seperti perisian kumpulan dan pesanan Internet, anda boleh memasukkan banyak pemimpin industri menyertai di sini," katanya.

Papows berkata kekuatan Malaysia terletak dalam pelbagaian etnik, sosial dan agama dan MSC boleh menjadi pintu gerbang kepada banyak pasaran sedang muncul.

Sambil berkata bahawa tiada sebab mengapa Malaysia tidak boleh berjaya dalam dunia IT, beliau menambah bahawa Lotus telah menunjukkan komitmennya dengan menubuhkan pusat pendidikan Asia-Pasifik di Malaysia disebabkan daya usaha MSC.

Kira-kira 40 jurutera penyelesaian sedang berusaha dalam penyelesaian menegak seperti perbankan, automasi tenaga jualan dan kerajaan tanpa kertas berdasarkan teknologi perisian komputer Lotus.

"Kami juga bekerjasama rapat dengan universiti-universiti di sini mengenai pengurusan ilmu, mengenai daya usaha pembelajaran jarak jauh bagi kampus kolej maya, yang merupakan satu lagi inovasi yang amat baru dan memberangsangkan," kata Papows.

Beliau berkata Lotus sudahpun mengeksport beberapa produk perisian seperti itu yang dimajukan dengan kepakaran Malaysia. Misalnya, kerja sedang dijalankan di Malaysia mengenai beberapa daya usaha Java yang sedang dilaksanakan dalam 28 bahasa manakala perisian E-suite mempunyai banyak penyelidikan asalnya dilakukan di negara ini.

"Kami sebenarnya membina produk di sini," katanya sambil menambah bahawa Malaysia adalah tempat yang wajar untuk melabur dan inilah yang

dilakukan Lotus sejak beberapa tahun kebelakangan.

Menyentuh tentang kelembapan ekonomi yang dihadapi oleh Asia Tenggara, beliau berkata ia merupakan satu tempoh sementara.

"Saya pernah melihat keadaan ini di Amerika Latin dan banyak tempat lain. Keadaan akan berubah," tambah beliau.

"Rancangan kami ialah untuk terus melabur (di Malaysia) dalam tahun 1998. Kami yakin ekonomi akan berubah (menjadi bertambah baik) dan saya amat yakin terhadap pemerintah negara ini," kata Papows.

Bercakap tentang pengalaman AS, beliau berkata ekonomi Amerika meleset tiga tahun lalu apabila banyak pengurus dana Amerika dianggap malas manakala nilai pasaran jatuh dan ekonomi menghadapi defisit yang besar.

Tetapi tiga tahun kemudian, ekonomi AS pulih dan menurut beliau ini terutamanya adalah disebabkan oleh pelaburan modal yang besar dalam IT di mana kira-kira 42 peratus modal dilaburkan dalam IT dan peningkatan taraf pengkomputeran.

Katanya, "Walau dalam krisis ekonomi paling teruk sekalipun, IT bukanlah bidang bagi syarikat-syarikat berinovasi mengurangkan pelaburan.

"Ini adalah kerana inilah masanya pemimpin berwawasan, syarikat-syarikat berinovasi, berpeluang mendapatkan kelebihan daya saingan dengan melabur terlebih dahulu daripada rakan mereka yang lain. Jadi, apabila ekonomi pulih, mereka akan berada pada kedudukan yang lebih berdaya saing."

Papows, yang bertanggungjawab bagi prestasi kewangan dan operasi serta pelaksanaan strategi keseluruhan Lotus, berkata adalah lebih baik bagi syarikat-syarikat di Malaysia tidak terlalu mengikut perasaan dalam menghadapi krisis ekonomi ini.

"Saya benar-benar yakin dengan apa yang anda lakukan di sini. Anda mestilah berwaspada terhadap syarikat-syarikat yang begitu cemas dengan berita tentang keadaan mata wang sekarang dan menghalang diri mereka daripada melabur dalam IT," katanya. -- BERNAMA

SHY KY/sia